



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

TELADAN RASULULLAH DALAM BERNEGARA

Tarikh Dibaca:

**9 RABIULAWAL 1446H /
13 SEPTEMBER 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جهاز كماله اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TELADAN RASULULLAH DALAM BERNEGARA

13 SEPTEMBER 2024 / 9 RABIULAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

١١ (سورة الأحزاب)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Bersempena Sambutan Maulidurrasul 1446H dan Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2024, pada hari ini saya akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Teladan Rasulullah Dalam Bernegara”**.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Saban tahun kita mengenang peristiwa kelahiran Rasulullah SAW dalam usaha meningkatkan kecintaan kita kepada Baginda. Usaha ini telah dimulakan sejak berabad-abad yang lalu. Dinyatakan dalam Kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah*, al-Allamah Ibn Kathir antara lain beliau memuji Raja al-Muzaffar yang telah menyambut majlis Maulidurrasul secara besar-besaran dengan berkata: *“Bahawa Raja Muzaffar menganjurkan Maulid Syarif pada Rabiulawal dan membuat perhimpunan secara besar-besaran”*.

Begitulah salah satu usaha kita meningkatkan *mahabbah* (kecintaan) kepada Baginda SAW.

Pada bulan kelahiran Nabi Muhammad ini, umat Islam seharusnya bercermin pada sifat keperibadian Nabi Muhammad SAW yang penuh dengan kasih sayang atau rahmah. Allah SWT menjelaskan ketinggian akhlak budi Rasulullah SAW melalui firman-Nya dalam Surah al-'Alaq ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya: *“Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia”*.

Bahkan Rasulullah SAW juga sangat menekankan tentang penerapan akhlak mulia yang menjadi kayu ukur kepada kesempurnaan iman seseorang sebagaimana sabda Baginda:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا

Maksudnya: *“Mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya”*.
(Hadis riwayat Imam Ahmad dan Abu Dawud)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya pada diri Rasulullah SAW itu memiliki teladan yang sangat sempurna untuk kita jadikan panduan. Begitulah Allah SWT menegaskan melalui firman-Nya yang saya bacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari

akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (ketika susah dan senang)”.

Saya katakan Baginda teladan yang paling sempurna kerana keteladanan Baginda Rasulullah SAW tidak hanya terbatas kepada konsep kehambaan antara manusia dengan Sang Pencipta, Malah, termasuk juga interaksi Baginda dengan masyarakat awam sama ada muslim dan bukan muslim, interaksi bersama haiwan dan alam sekitar, interaksi Baginda dalam urusan perniagaan, bahkan Baginda juga telah menunjukkan teladan yang sangat baik dalam menata kelola urusan pentadbiran sebuah Negara Islam Madinah.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dalam hubungan sosial dan kemasyarakatan, Rasulullah SAW banyak bercampur gaul dan berinteraksi dengan segenap lapisan masyarakat dengan pelbagai budaya, suku, bangsa, dan agama. Dalam menghadapi kepelbagaian pegangan beragama, Baginda tidak menganggapnya sebagai suatu permasalahan besar dalam menjalin interaksi sosialnya bersama masyarakat. Baginda sedar kemajmukan yang ada, namun dari semua perbezaan itu, ada yang lebih penting untuk diperjuangkan dan dipertahankan, iaitu kerukunan, kesatuan dan perpaduan masyarakat.

Apabila Rasulullah SAW selesai menyatukan kaum Muhajirin dan Ansar, Baginda membuat perjanjian damai yang dikenali dengan Piagam Madinah, sebuah perlembagaan negara pertama yang pernah ada sepanjang sejarah dunia. Antara isi perjanjian itu ialah seluruh warganegara, sama ada Muslim atau tidak, wajib saling melindungi antara satu sama lain. Seluruh masyarakat juga wajib menjaga kesatuan masyarakat.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Baginda cukup sayang kepada bumi Makkah yang merupakan tempat kelahiran Baginda. Di sana, Baginda bersama beberapa sahabat dan umat Islam terawal mengalami banyak kisah penindasan dan kekerasan yang dilakukan oleh puak Musyrikin Makkah.

Nabi SAW seterusnya melakukan usaha pembebasan Makkah dari kesyirikan, kekuasaan dan penindasan orang-orang zalim, dan amalan-amalan karut yang diperturunkan dari nenek-moyang mereka. Walaupun ketika itu keadaan umat Islam sudah stabil, namun Baginda tidak bertindak melampaui batasan. Baginda tidak memasang dendam terhadap

perlakuan penduduk Makkah suatu ketika dahulu. Malah Baginda memaafkan mereka dan membiarkan mereka semua hidup damai bersama-sama. Inilah nilai dan sikap terluhur Baginda bukan sahaja kepada sahabat-sahabat Baginda, bahkan terhadap puak yang pernah menzalimi mereka dahulu.

Baginda juga sempat bertanya kepada sekelompok orang Quraisy, *“Wahai sekalian Quraisy dan wahai masyarakat Makkah! Apakah kamu menyangka aku akan membalas kamu semua?”* Orang Quraisy menjawab, *“(Kami berharap engkau) berbuat yang baik terhadap kami, wahai saudara yang baik budi, anak keturunan mulia”*. Rasulullah menjawab, *“Sesungguhnya aku akan katakan kepada kamu sebagaimana Nabi Yusuf AS terhadap saudara-saudaranya. Kamu pada hari ini tidak akan dipersalahkan (tentang perbuatan kamu yang telah lalu). Pergilah, kami bebaskan kamu”*.¹

Rasulullah SAW tidak pernah memukul sesiapa pun dengan tangan Baginda, meskipun seorang pembantu kecuali dalam *jihad fi sabilillah*. Baginda SAW juga tidak pernah melakukan aksi pembalasan terhadap semua perlakuan buruk yang Baginda SAW alami kecuali jika perlakuan buruk tersebut sudah termasuk kategori pelanggaran terhadap perkara yang diharamkan oleh Allah SWT, maka ketika itu Baginda SAW melakukan pembalasan kerana Allah dan bukan kerana emosi.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Begitulah keteladanan Rasulullah SAW dalam urusan bernegara dan menata masyarakat majmuk. Sesuai dengan negara kita yang turut memiliki struktur masyarakat yang majmuk. Sememangnya banyak lagi contoh teladan yang telah ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah SAW untuk kita ikuti. Sewajarnya, kita meneladani dan menuruti Rasulullah SAW kerana ia seterusnya membawa kepada kecintaan kepada Allah SWT jua. Firman Allah SWT dalam Surah ali Imran ayat 31:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ۝٣١

Maksudnya: *“Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”*.

¹ Ibnu al-Qayyim al-Jauziyah, *Zaad al-Ma'ad*, 1998

Justeru, dalam mengekalkan keharmonian negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk, maka kita sebagai umat Islam terutamanya, sewajarnya menuruti teladan yang telah ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah SAW. Semoga setiap tindakan yang dilakukan berdasarkan sunnah Baginda mendapat keredhaan Allah SWT dan rahmat dari-Nya.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin simpulkan kepada beberapa perkara; **Pertama:** Sambutan Maulidurrasul merupakan usaha yang sangat baik dalam rangka menanamkan rasa *mahabbah* (kecintaan) terhadap Rasulullah SAW.

Kedua: Keteladanan Baginda Rasulullah SAW tidak hanya terbatas kepada konsep kehambaan antara manusia dengan Sang Pencipta, Malah, padanya juga keteladan terhadap interaksi Baginda dengan manusia, alam sekitar dan bernegara.

Ketiga: Kecintaan kepada Rasulullah SAW akan membawa kepada kecintaan kepada Allah SWT seterusnya paling penting mendapat keampunan dan rahmat dari Allah SWT.

Renungkanlah firman Allah SWT:

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْ أَنْفُسِهِمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ ١٦٤

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmat-Nya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Dia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan-Nya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata*”. (Surah ali Imran ayat 164)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا
مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا يَغْ د-فَرْتَوَانْ اَكُوغْ سُلْطَانْ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا رَاجْ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، رَاجْ
زَارِيثْ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرِ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ. اللَّهُمَّ ارْحَمِ الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنْ عِبَادِكَ.
اللَّهُمَّ اكْشِفْ الْغَمَّةَ عَنْ أُمَّتِنَا. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَرْفَعَ الْبَلَاءَ عَنْ غُرَّةٍ وَأَهْلِهَا، وَأَنْ

تَنْصِرُهُمْ عَلَىٰ عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تَرْحَمَ الْمُسْتَضْعِفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تَكْشِفَ الْغَمَّةَ عَنْ أُمَّتِنَا. اللَّهُمَّ عَافِنَا وَالطُّفَّ بِنَا وَاحْفَظْنَا وَانصُرْنَا وَفَرِّجْ عَنَّا وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ اكْفِنَا وَأَيَّاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَائِبِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْحَنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مَنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمَنْ بُلْدَانَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.